


BAB 2:
PEMANASAN GLOBAL:
ISU DAN PERSOALAN

ISU DAN PERSOALAN

Apabila diteliti setiap kejadian, terdapat pelbagai implikasi dan menimbulkan pelbagai reaksi. Banyak pertukaran idea, percanggahan pendapat dan tidak kurang juga pertelingkahan berkaitan isu pemanasan global. Persoalannya, adakah fenomena yang digembar-gemburkan di seluruh dunia ini benar-benar berpunca daripada aktiviti manusia dan benar-benar belaku. Benarkah bukti-bukti yang dikemukakan oleh AL Gore, seorang bekas ahli politik Amerika Syarikat yang telah membentangkan pandangannya dalam *Intergovernmental Panel on Climate Change* (IPCC) pada Oktober 2007. Beliau juga merupakan penerima Nobel Perdamaian menerusi filemnya yang berjudul ***An Inconvenient Truth***. Walaupun isu ini masih hangat didebatkan di kalangan ilmuan, namun umumnya manusia hari ini semakin percaya akan pandangan yang dikemukakan oleh AL Gore. Namun begitu, dalam bab ini dikemukakan juga persoalan dan pendapat yang menyanggah pendapat AL Gore mengenai pemanasan global.

Suhu dunia dikatakan terus meningkat setiap tahun akibat Pemanasan Global. Julai 2006 dikatakan sebagai bulan yang terpanas dalam sejarah. Namun begitu, Rajah 2.1 daripada *National Climatic Data Centre* USA menyanggah pernyataan tersebut. Sejarah menunjukkan terdapat tiga bulan terpanas pada tahun 1930-an. Contohnya, suhu pada tahun 1936 lebih tinggi daripada suhu pada tahun 2006. Para saintis pada masa ini juga turut bimbang mengenai isu pemanasan global.



Rajah 2.1 Suhu Purata Bulan Julai di Kawasan Berhampiran Amerika Syarikat.

Sumber: *National Climatic Data Center*

Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) juga menyatakan bahawa kajian dengan jelasnya menunjukkan perubahan suhu yang besar telah biasa berlaku lebih 1,000 tahun dahulu dan suhu yang lebih panas daripada suhu hari ini biasa dicatatkan dalam tempoh 50 tahun.

Gas karbon dioksida adalah bahan pencemar? *Dr. John Christy*, Professor Sains Alam Sekitar yang juga Pengarah Pusat Sistem Bumi di Universiti Alabama, menyatakan karbon dioksida bukan bahan pencemar, sebaliknya karbon dioksida adalah *lifeblood* daya hidup untuk planet. Tumbuhan yang wujud di sekitar kita akan lenyap jika karbon dioksida tiada di atmosfera. Kehijauan dunia berkembang pesat semasa kepekatan karbon dioksida di atmosfera jauh lebih tinggi berbanding kepekatan karbon dioksida hari ini. Dalam erti kata lain, karbon dioksida sendiri bermakna hidup.

‘Pemanasan Galaksi’ atau ‘Pemanasan Global’? Para ilmuan mengutarakan fenomena ‘badai matahari’. Matahari dikatakan telah memasuki siklus ‘**kembali memanasnya**’. Ada fakta